

bercanggah dengan syariat.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, berkata, agama Islam sangat menghormati adat dan budaya yang ada pada setiap bangsa dan kaum sebab itu tiada istilah campur

pengulangan dan disebut sebagai taklid yang bermaksud ikat. Sebagai manusia kita kadang-kadang terikat dengan peraturan yang diterima sejak asal.

“Agama Islam amat menghormati dan menghargai adat setempat yang diamalkan oleh penduduk atau kaum di

merentasi dunia dan tidak menimbulkan masalah.

“Buktinya, tidak pernah ada sejarah apabila orang mengikut cara hidup Islam mereka mati disebabkan tidak boleh makan makanan tradisi kaum tersebut. Selalunya menjadi punca kematian

terang-terangan bercanggah dengan Islam.

“Contohnya, kenyataan semua agama adalah sama tidak boleh diterima. Islam adalah agama sebenar dan jelas. Islam juga tidak menyuruh kita menghina agama lain,” katanya.

Konflik sebagai mualaf

PENSYARAH Kanan, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Nur A'thiroh Masyaa'il Ai Pao berkata, salah faham yang berlaku dalam kalangan mualaf menyebabkan kehidupan mereka berada dalam konflik identiti.

“Rata-rata mualaf akan berkata apabila memeluk Islam hidup mereka terkongkong kerana tidak boleh mengekalkan amalan dan adat yang telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian mereka. Persepsi sebegini masih menular dalam kalangan mualaf sehingga hari ini tetapi masih terkawal.

“Golongan ini juga sebenarnya masih terawang-awang kerana sedang mencari



**NUR A'THIROH
MASYAA'IL AI PAO**

apa perkara yang dibenarkan dan dilarang dalam Islam berikutan banyak pendapat yang diterima bercanggah dengan realiti terutama daripada masyarakat sekeliling dan golongan ilmuwan.

“Contohnya isu yang sering dibangkitkan adalah dalam bab makanan, pakaian dan perayaan. Kebiasaan bagi orang Cina akan makan menggunakan garpu dan chopstik. Manakala kaum India pula menggunakan daun pisang

sebagai pelapik makanan. Pakaian juga menjadi isu kerana sebahagian mereka tidak lagi memakai pakaian tradisional Ceongsam selepas memeluk Islam kerana dikhuatiri kelihatan seperti orang kafir.

“Hakikatnya, setiap budaya dan adat dalam sesuatu kaum boleh diamalkan apabila seseorang individu memeluk

Islam selagi tidak melanggar syariat yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan Sunnah,” katanya.

SAMPAIKAN ILMU

Tambah A'thirah, dalam usaha memberi kefahaman kepada mualaf tentang ilmu berkaitan Islam, masyarakat tidak seharusnya dipersalahkan kerana mereka tidak mendapat ilmu dan pendedahan yang betul.

“Untuk mengenali adat dan budaya sesuatu kaum kita perlu belajar seterusnya menyampaikan kepada mereka. Sebagai pendakwah sudahkah kita berusaha menyampaikan dakwah kepada masyarakat yang masih keliru dan mempunyai konflik dengan identiti? Pendekatan ini bukan sahaja perlu

dilaksanakan dalam kalangan mualaf tetapi kepada masyarakat luar yang juga beragama Islam asal,” katanya.

“Contohnya, sebelum memeluk Islam saya mempunyai pengalaman pulang ke kampung seorang sahabat Muslim yang menetap di Utara tanah air. Ibunya telah memberikan saya sehelai kain batik untuk dipakai tetapi yang menjadi masalah adalah dia tidak mengajar saya bagaimana cara untuk memakai kain batik tersebut. Akibatnya saya memakai kain tersebut dengan cara yang salah.

“Saya juga ada pengalaman menyampaikan dakwah kepada Orang Asli di Kampung Sayong Pinang, Kulai Johor. Masyarakat Orang Asli di sana mempunyai pantang larang dalam pemakanan iaitu mereka tidak akan memasak dan memakan makanan dari laut dan darat dalam satu hidangan,” katanya.